

Peluang keemasan Hanis Nadiah

GOLD COAST 3 April - Pertama kali beraksi di pentas Sukan Komanwel 2018 tidak memberi tekanan kepada pemain hoki wanita negara, Hanis Nadiah Onn sebaliknya teruja memulakan aksi pertama pasukan Malaysia menentang India, Jumaat ini.

Hanis Nadiah, 22, berkata, beraksi di Sukan Komanwel kali ini merupakan peluang




keemasan buatnya mengembangkan bakat dan mengharumkan nama negara.

"Saya sangat teruja dapat peluang mewakili negara pada tahap lebih tinggi. Saya kena buktikan mampu beri prestasi lebih baik di sini dan jika dilihat kepada perlawanan persahabatan menentang pasukan New South Wales, prestasi Malaysia agak baik.

"Kita menang satu perlawanan dan kalah satu perlawanan. Perlawanan tersebut untuk menguji taktikal baharu yang boleh diguna pakai semasa pertandingan nanti," katanya ketika ditemui di perkampungan sukan di Universiti Griffith hari ini.

Katanya, punca kekalahan skuad negara pada aksi persahabatan tersebut kerana beberapa pemain belum memahami sepenuhnya aspek taktikal baharu yang cuba diterapkan jurulatih kebangsaan,



HANIS NADIAH ONN

PERSONALITI

HANIS NADIAH ONN

TARIKH LAHIR: 5 Disember 1996

ASAL: Johor

SUKAN:

Pasukan hoki wanita Malaysia

ANUGERAH:

Pemain Harapan Terbaik Asia 2016
Kongres Persekutuan Hoki Asia.

Muhammad Dharma Raj
Abdullah.

Namun, menurutnya, perkara

itu tidak menjadi masalah kerana skuad negara mempunyai pilihan lain menggunakan strategi yang sering ditampilkan sebelum ini.

Mengenai perlawanan menentang India, Hanis Nadiah berkata, mereka sudah mengkaji corak permainan pasukan lawan itu melalui rakaman video.

Selain India, Malaysia berada dalam Kumpulan A bersama Afrika Selatan, England dan Wales.

